

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana Kementerian Kesihatan dalam menangani isu kekurangan MENTARI di Sabah untuk meningkatkan kesejahteraan sosial rakyat di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pusat Kesihatan Mental Masyarakat atau dikenali sebagai MENTARI adalah merupakan suatu pusat sehenti yang diadakan di fasiliti kesihatan / komuniti yang merupakan perluasan skop perkhidmatan kepakaran psikiatri kepada komuniti. Sehingga kini, di seluruh Malaysia, terdapat 25 buah Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI), seperti mana keperluan di bawah Akta Kesihatan Mental 2001.

Di Sabah, sebuah MENTARI iaitu MENTARI Kota Kinabalu yang bertempat di perkarangan Hospital Mesra Bukit Padang telah diwartakan dan sedang beroperasi manakala dua (2) buah MENTARI lagi iaitu MENTARI Lahad Datu yang menggunakan fasiliti bangunan lama Klinik Kesihatan Silabukan dan MENTARI Tawau di pekarangan Klinik Kesihatan Kubota telah beroperasi dan sedang dalam proses pewartaan.

SOALAN NO : 3

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam usaha untuk menambah bilangan MENTARI di negeri Sabah, Perkhidmatan Psikiatri Hospital Duchess of Kent, Sandakan sedang dalam proses mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk dijadikan MENTARI. Perkhidmatan Psikiatri Hospital Mesra dan Hospital Queen Elizabeth juga sedang bekerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk menubuhkan MENTARI dan sedang di dalam cadangan untuk menggunakan fasiliti UMS bagi tujuan tersebut.

Sekian, terima kasih.